

Perodua Jalin Usahasama Dengan Rakan Jepun Mulakan Kajian Daya Maju Keluar Kereta Sedan Bernama 8 Ogos, 2012

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Perodua menjalin usaha sama dengan rakan Jepunnya untuk memulakan kajian daya maju bagi merealisasikan aspirasi pembuat kereta kompak itu untuk mengeluarkan model sedan.

Pengarah Urusannya Datuk Aminar Rashid Salleh berkata Perodua sudah lama merancang mengeluarkan kereta sedan, dan rakan usaha sama Jepunnya, Mitsubishi dan Daihatsu, bersetuju menjalankan kajian daya maju itu.

"Saya sudah menyuarakan cadangan untuk mengeluarkan kereta sedan kepada pengurusan tertinggi Perodua dan rakan usaha sama kami. Kini kami memulakan kajian itu.

"Saya sudah nampak permintaan dalam segmen sedan dan saya memikirkan mengapa Perodua tidak boleh melakukannya (kereta sedan)," katanya pada taklimat media di sini Rabu.

Aminar Rashid yang menafikan cakap-cakap dalam pasaran bahawa Perodua akan mengeluarkan kereta sedan secara usaha sama dengan UMW Holdings Bhd, berkata "ia berita baharu baginya."

Ditubuhkan pada 1993, Perodua ialah pembuat kereta utama di Malaysia, manakala syarikat kereta nasional, Proton Holdings Bhd, mengeluarkan kereta sedan.

Perodua menjual 180,000 kereta penumpang tahun lepas, menguasai 30 peratus jumlah keluaran industri pada 2011.

Pembuat kereta nasional kedua itu mengekalkan kedudukan No. 1 dalam kalangan syarikat kereta untuk tahun keenam berturut-turut tahun lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686676>